

# Pulihara Bukit Baginda untuk rujukan ilmiah

**KUALA PILAH:** Persatuan Geologi Malaysia mencadangkan Bukit Baginda di Kampung Majau dekat sini dijadikan sebagai salah satu geotapak yang perlu dipulihara untuk rujukan ilmiah.

Presidennya, Abd. Rasid Jaapar berkata, satu pemetaan rapi perlu dilakukan untuk mengenal pasti kawasan yang perlu dipulihara dan *geotrail* bersesuaian supaya pelawat boleh memaksimumkan lawatan mereka dengan selamat.

Beliau yang juga Timbalan Presiden, Persatuan Geologi Kejuruteraan dan Mekanik Batuan Malaysia (SEGRM) berkata, *geotrail* adalah seperti laluan pendakian biasa tetapi lebih selamat dan dapat meliputi semua kawasan geotapak.

"Kami menggalakkan *geohiking* iaitu konsep *informative hiking*. Sambil kita beriadah sambil kita mendapat ilmu-ilmu berdasarkan geologi, geomorfologi dan kepelbagaian biologi.

"Bukit Baginda ini sendiri batu beralun yang dipanggil *wave rock* adalah daripada jenis granit yang banyak terdapat di Semenanjung



**KEUNIKAN *wave rock* yang terdapat di puncak Bukit Baginda, Kuala Pilah, Negeri Sembilan menjadikannya sebagai pilihan penggemar aktiviti pendakian.**

terutama di Banjaran Titiwangsa berusia lebih 200 juta tahun," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

*Wave rock* terletak di puncak Bukit Baginda iaitu 13 kilometer dari pekan Batu Kikir di sini

yang memiliki ketinggian 450 meter. Ia menjadi tumpuan pendaki serta penggemar geologi pada penghujung 2018.

Dalam pada itu Abd. Rashid berkata, pembentukan granit di Bukit Baginda dipercayai

daripada fasa lewat yang sama dengan granit di Melaka, Negeri Sembilan dan sebahagian Johor iaitu penerobosan yang berlaku sekitar 80 juta tahun dahulu.

Katanya, penerobosan granit melalui magma yang panas se-

cara tempatan itu mengalami penyejukan cepat dan membentuk bongkah-bongkah batuan besar.

"Seterusnya ia mengalami luluhawa sehingga terbentuk morfologi seperti pada masa ini yang terdapat di Bukit Baginda," katanya.